

22/06/2001

Pendedahan muslihat kuasa asing suntik semangat negara membangun

KEBERANIAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutuk tindakan kuasa asing yang sering mencampuri urusan negara ini, adalah sesuatu pendedahan yang ditunggu-tunggu oleh semua negara membangun.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ketelusan dan kelantangan Presiden Umno dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno seolah-olah memberi satu semangat baru kepada negara membangun.

"Mereka (negara membangun) merasakan bahawa Dr Mahathir berucap dengan nada yang tegas, berterus terang dan berani bercakap.

"Pada mereka, ini adalah sesuatu yang memberi semangat kerana negara membangun sering dikhuatiri atau menanggung mereka tidak boleh bercakap," katanya ketika ditanya mengenai penerimaan 40 perwakilan asing yang menghadiri perhimpunan semalam.

Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya berkata: "Mereka benci kepada Malaysia terutama kepimpinan yang ada sekarang, benci yang tidak terhingga kerana Malaysia mampu menangkis serangan ekonomi dan kewangan yang dilancar mereka. Mereka benci kepada Kerajaan Malaysia kerana mendedah niat jahat mereka apabila memperkenalkan konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan."

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan kumpulan perwakilan asing itu di sini, Syed Hamid berkata ketelusan Perdana Menteri dalam menghentam kuasa asing adalah yang didokongi perpaduan rakyat dan kejayaan ekonomi negara.

Beliau berkata, bukannya tujuan kerajaan untuk bersikap bongkak tetapi negara yang sering menegakkan demokrasi dan masyarakat sivil, perlu melaksanakan apa yang dilaungkan selama ini.

Ditanya mengenai sama ada teguran Presiden mengenai kelemahan Melayu akan diterima dengan terbuka, Syed Hamid yang juga Ketua Bahagian Kota Tinggi berkata:

"Ini adalah satu mesej penting kepada semua ahli Umno supaya lebih komited. Kalau kita nak capai kejayaan, kita kena muhasabah diri kita dulu kerana kejayaan kita sekarang, jika dibandingkan dengan orang lain, masih jauh ketinggalan.

"Kita patut perhebatkan lagi kejayaan orang Melayu dan jangan senang berpuas hati dengan apa yang kita ada.

"Kita tak boleh gunakan keistimewaan Melayu dalam berhadapan dengan dunia globalisasi kerana kita akan berhadapan dengan persaingan yang hebat di mana kekuatan kita adalah berasaskan ilmu," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata Melayu perlu memberi penekanan kepada usaha meraih ilmu bagi mencapai kejayaan.

(END)